



### **SOALAN LAZIM (FAQ)**

#### **BERKAITAN SKIM BANTUAN KECEMASAN KELANGSUNGAN HIDUP DANA KHAS BANTUAN SEMASA PKP 3.0 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)**

##### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup MAIPk?**

Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup MAIPk adalah bantuan yang disasarkan kepada penerima bantuan kewangan bulanan MAIPk dan Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas sumber pendapatan kerana diberhentikan kerja, tidak dapat menjalankan perniagaan, diberi cuti tanpa gaji kerana majikan menghentikan operasi atau sebab-sebab lain yang munasabah. Bantuan ini bertujuan untuk mengurangkan bebanan kehidupan golongan yang terkesan akibat pelaksanaan PKP 3.0.

##### **2. Siapakah golongan sasaran yang MAIPk senaraikan untuk menerima bantuan ini?**

MAIPk mensasarkan bantuan ini kepada **3 kategori penerima** seperti berikut:

KATEGORI PENERIMA	KETERANGAN	KUMPULAN SASARAN
Pertama	Penerima Bantuan Kewangan Bulanan dan Sewa Rumah yang berdaftar di bawah MAIPk <b>sehingga bulan Jun 2021.</b>	<p>Penerima Bantuan Kewangan :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Bulanan Fakir/Miskin, Muallaf dan Anak Yatim;</li><li>• Sewa Rumah</li></ul>

Kedua	<p>Golongan bersasar yang diuruskan oleh pihak MAIPk dengan kerjasama agensi kerajaan dan persatuan/ Badan Bukan Kerajaan (NGO).</p> <p><b>Nota :</b> Individu mestilah berdaftar dan masih aktif di bawah agensi dan pertubuhan/ persatuan berkaitan <b>sehingga 31 Mei 2021.</b></p>	<p>Golongan sasaran :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), Maahad Tahfiz Quran (MTQ) dan Pondok (berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak)</li> <li>• Peniaga Pasar Tani yang berdaftar di bawah agensi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)</li> <li>• Peniaga dan Penjaja Kecil yang berdaftar di bawah Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Perak (PPPKM)</li> <li>• Usahawan Asnaf (berdaftar di bawah MAIPk)</li> <li>• Pemandu Teksi yang berdaftar di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)</li> <li>• Pemandu Lori / Pemandu Bas yang berdaftar di bawah Persatuan Pemandu Lori &amp; Bas Perak (PPLBP)</li> <li>• Orang Kelainan Upaya (Penerima bantuan EPC di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat)</li> <li>• Orang Kelainan Upaya (Cacat Penglihatan) yang berdaftar di bawah Pertubuhan Orang Cacat</li> </ul>
-------	--	--

		<p>Penglihatan Malaysia Cawangan Perak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengusaha dan Pekerja SPA yang berdaftar di bawah Persatuan Usahawan SPA Perak (SISPA)</li> <li>• Pekerja di Pusat Latihan Kemahiran yang berdaftar di bawah Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FEMAC)</li> <li>• Tenaga Pengajar yang memegang Sijil Pengajar Institut Memandu yang masih aktif di Institut Memandu yang terlibat di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)</li> </ul>
Ketiga		<p>Golongan yang terjejas sumber pendapatan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0). <b><i>Golongan ini terdiri daripada mereka yang tidak termasuk dalam senarai Kategori Pertama dan Kategori Kedua.</i></b></p>

### 3. Apakah syarat kelayakan yang ditetapkan oleh MAIPk untuk kategori ketiga?

Syarat kelayakan untuk menerima bantuan ini ialah:

- a) Beragama Islam;
- b) Warganegara Malaysia;
- c) Bermastautin atau bekerja di Negeri Perak;
- d) Mempunyai pendapatan kasar tidak melebihi Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Perak iaitu **RM2,077.00**;
- e) Terkesan dengan Pandemik COVID-19 sama ada tidak dapat menjalankan urusniaga / pekerjaan harian / diberhentikan kerja / direhatkan tanpa gaji;
- f) Berkeluarga (hanya ketua keluarga sahaja boleh memohon);

- g) Ketua isi rumah atau pasangan tidak tergolong dalam kategori pertama (penerima bantuan kewangan bulanan dan sewa rumah MAIPk) atau kategori kedua; dan
- h) Memiliki akaun bank atas nama penerima bantuan, dan jika tiada, dibenarkan atas nama pasangan atau anak sahaja.

**4. Bagaimanakah cara untuk memohon bantuan ini?**

Bantuan Dana Khas semasa PKP 3.0 ini TIDAK dibuat melalui kaedah permohonan daripada individu. Kaedah penyaluran bantuan adalah mengikut kategori penerima seperti jadual berikut:

KATEGORI PENERIMA	KAEDAH PENYALURAN BANTUAN
Pertama	Tidak perlu memohon. Bantuan akan disalurkan secara automatik ke dalam akaun bank penerima secara berperingkat <b>bermula bulan Jun 2021</b> .
Kedua	Pihak MAIPk akan mendapatkan senarai ahli yang berdaftar dan masih aktif (sehingga 31 Mei 2021) daripada Agensi atau Persatuan yang mewakili individu dalam kategori tersebut.
Ketiga	Penerima bantuan kategori ini akan dikenalpasti oleh jentera kerajaan di peringkat daerah, mukim dan kampung, melibatkan penghulu mukim dan ketua kampung serta jawatankuasa masjid di kawasan tempat tinggal masing-masing <b>bermula 21 Jun 2021</b> .

**5. Sekiranya seseorang individu adalah penerima dalam kategori pertama, adakah individu yang sama layak menerima bantuan bagi kategori kedua dan ketiga?**

Setiap individu yang tergolong dalam mana-mana kategori, akan menerima bantuan daripada SATU kategori sahaja.

**6. Apakah jenis dan nilai bantuan yang bakal MAIPk salurkan?**

Jenis dan nilai bantuan adalah mengikut kategori penerima seperti berikut:

KATEGORI PENERIMA	JENIS BANTUAN
Pertama	Bantuan secara tunai “one-off” sebanyak <b>RM200.00</b> setiap ketua isi rumah.
Kedua	Bantuan secara tunai “one-off” sebanyak <b>RM400.00</b> setiap ketua isi rumah.
Ketiga	Bantuan secara tunai “one-off” sebanyak <b>RM400.00</b> setiap ketua isi rumah.

**7. Berapakah jumlah peruntukan yang MAIPk sediakan bagi bantuan ini?**

Berdasarkan siaran media bertarikh 10 Jun 2021, MAIPk memperuntukkan sebanyak **RM10,900,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sembilan Ratus Ribu)** khusus untuk membantu golongan sasaran melalui Skim Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup ini. Segala keputusan dan pertimbangan adalah tertakluk kepada kelayakan dan peruntukan dana yang telah disediakan.

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)**

**15 JUN 2021**